



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

## **GARIS PANDUAN**

---

Pembangunan Laman Web  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## OBJEKTIF

- Garis panduan ini bertujuan menjadi rujukan kepada webmaster untuk membangun laman web Pusat Tanggungjawab (PTj), kawalan kandungan, penyelenggaraan dan tanggungjawab webmaster yang perlu dipatuhi oleh semua PTj.
- Menyelaraskan kandungan laman web bagi meningkatkan imej PTj dan universiti.
- Garis panduan ini juga untuk memastikan keseragaman dalam rekabentuk dan kandungan laman web PTj

## SKOP

- Melibatkan semua laman web rasmi PTj

## KONSEP

- Laman web PTj adalah pengguna dan berorientasikan pelanggan. Pembangunan laman web PTj perlu mengambil kira keperluan pelanggan seperti pelajar, masyarakat umum dan penyelidik.

## TEMPLAT

- Semua PTj UKM diwajibkan untuk menggunakan templat yang telah disediakan untuk membangunkan laman web PTj.
- Templat boleh dimuat turun di <http://www.ukm.my/template/>
- Semua urusan pemasangan templat di server UKM, boleh terus berhubung dengan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) di talian 03-8921 7070.

## KRITERIA DAN KANDUNGAN LAMAN WEB

- **Halaman Utama Laman Web**
  - Halaman utama laman web memerlukan kandungan maklumat seperti;
    - i. Logo UKM
    - ii. *Header* yang mengandungi nama penuh PTj berkenaan.
    - iii. Maklumat perhubungan di *footer* seperti:
      - a. Alamat
      - b. Nombor telefon
      - c. Faks
      - d. Alamat emel.
      - e. Statistik pelawat (*optional*/ pilihan)
      - f. Penafian
    - iv. Warna rasmi PTj, warna merah #d10000 jika PTj tiada warna rasmi.

- v. Pautan ke:
  - a. Portal Rasmi UKM
  - b. Portal eWarga
  - c. Portal Berita UKM
  - d. Media Sosial PTJ
- vi. Selain daripada maklumat di atas, webmaster bebas untuk meletakkan maklumat lain mengikut keperluan PTJ masing-masing.

#### ▪ **Maklumat Asas**

- Maklumat am PTJ
  - i. Latar belakang
  - ii. Aluan ketua Fakulti/ Institut/ Pusat atau Jabatan
  - iii. Visi, misi dan objektif
  - iv. Carta organisasi
  - v. Staf pengurusan, pentadbiran dan akademik berserta gambar
- Perkhidmatan/ program akademik yang ditawarkan
- Penerbitan/ penyelidikan
- Berita terkini/ aktiviti/ peristiwa
- Maklumat untuk dihubungi/ pertanyaan:
  - i. Alamat
  - ii. Nombor telefon
  - iii. Nombor faks
  - iv. Emel
  - v. Borang maklum balas
- Kategori gambar dan video
  - i. Setiap laman web PTJ wajib mewujudkan kategori gambar/ video/ montaj yang dianjurkan oleh PTJ.
- Bagaimanapun setiap PTJ boleh menambah maklumat berkaitan dengan fungsi dan keperluan PTJ masing-masing.

#### ▪ **Versi Bahasa**

- Setiap laman web mesti mempunyai dua versi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pertambahan versi lain adalah digalakkan, namun perlu disemak oleh pengurusan PTJ sebelum dimuat naik.
- Sekiranya menggunakan penterjemahan google untuk bahasa ketiga, penafian terjemahan bahasa ketiga perlu di letak.

- **Dokumen Web**

- Laman web yang mempunyai petikan berita atau artikel yang berunsurkan hak cipta, keterangan mengenai hak cipta ini perlu disediakan seperti:
  - i. Perkataan hak cipta
  - ii. Tarikh disediakan
  - iii. Nama pemiliknya

- **Penafian**

- **Penafian**

Universiti Kebangsaan Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam portal ini.

- **Dasar Keselamatan**

- i. **Perlindungan Data**

Teknologi terkini termasuk penyulitan data adalah digunakan untuk melindungi data yang dikemukakan dan pematuhan kepada standard keselamatan yang ketat adalah terpakai untuk menghalang capaian yang tidak dibenarkan.

- ii. **Keselamatan Storan**

Semua storan elektronik dan penghantaran data peribadi akan dilindungi dan disimpan dengan menggunakan teknologi keselamatan yang sesuai.

- **Dasar Privasi**

- i. **Privasi anda**

Halaman ini menerangkan dasar privasi yang merangkumi penggunaan dan perlindungan maklumat yang dikemukakan oleh pengunjung. Sekiranya anda membuat transaksi atau menghantar e-mel yang mengandungi maklumat peribadi, maklumat ini mungkin akan dikongsi bersama dengan agensi awam lain untuk membantu penyediaan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efektif. Contohnya seperti di dalam menyelesaikan aduan yang memerlukan maklum balas dari agensi-agensi lain.

- ii. **Maklumat Yang Dikumpul**

Tiada maklumat peribadi akan dikumpul semasa anda melayari portal ini kecuali maklumat yang dikemukakan oleh anda melalui e-mel.

- iii. **Apa yang akan Berlaku jika Saya Membuat Pautan kepada Portal/Laman Web yang Lain?**

Portal ini mempunyai pautan ke portal/laman web lain. Dasar privasi ini hanya terpakai untuk laman web ini sahaja. Perlu diingatkan bahawa portal/laman web yang terdapat dalam pautan mungkin mempunyai dasar privasi yang berbeza dan pengunjung dinasihatkan supaya meneliti dan memahami dasar privasi bagi setiap portal/laman web yang dilayari.

iv. Pindaan Dasar

Sekiranya dasar privasi ini dipinda, pindaan akan dikemas kini di halaman ini. Dengan sering melayari halaman ini, anda akan dikemas kini dengan maklumat yang dikumpul, cara ia digunakan dan dalam keadaan tertentu, bagaimana maklumat dikongsi bersama pihak yang lain.

- **Penafian Terjemahan Bahasa Ketiga (jika ada)**

Sekiranya laman web menggunakan penterjemahan google untuk bahasa ketiga, penafian terjemahan bahasa ketiga seperti berikut perlu diletakkan:

- i. "Sila ambil perhatian bahawa laman yang akan dipaparkan selepas pengalihbahasaan secara automatik oleh komputer . Kebarangkalian kandungan mungkin berbeza daripada maksud sebenar tidak dapat dielakkan. Universiti Kebangsaan Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kesalahan maklumat yang mungkin terjadi dari kandungan yang telah dialih bahasa."
- ii. "Kandungan rasmi hanya pada laman yang asal di dalam Bahasa Inggeris dan Malaysia."

▪ **Logo UKM**

- Logo UKM hendaklah menggunakan logo asal tanpa sebarang perubahan. Contohnya: diherot atau ditukar warna.
- Animasi logo adalah tidak dibenarkan.
- Kedudukan logo mesti berada di sebelah atas kiri setiap muka laman web.

▪ **Maklumat tambahan**

- Sebagai melengkapkan sesebuah laman web yang baik, perkara-perkara berikut wajar dipertimbangkan.
  - i. Tarikh akhir kemaskini
  - ii. Statistik pelawat
  - iii. Spesifikasi pelayar laman web/ *best view* - resolusi dan versi jenis pelayar
  - iv. Peta laman
  - v. FAQ

- **Pautan dan carian maklumat**

- Setiap PTj hendaklah memastikan pautan keluar dari laman web UKM adalah bersesuaian dengan kepentingan universiti. Pautan yang membawa kesan negatif kepada universiti hendaklah dielakkan contoh:
  - i. Laman web berunsur politik.
  - ii. Laman web berunsur pengiklanan / perniagaan (kecuali yang diluluskan oleh UKM).
  - iii. Laman web yang menyentuh sensitiviti individu, kepercayaan dan kaum.

## OPERASI DAN PEMANTAUAN LAMAN WEB

- **Kandungan**

- **Kandungan hendaklah sentiasa dikemaskini.**
- Kandungan hendaklah memaparkan maklumat yang tepat.

- **Pemantauan Laman Web**

- PTj hendaklah mempunyai mekanisme untuk memantau setiap pautan dan *button* dalam laman web masing-masing agar berfungsi dengan baik. PTj boleh menggunakan alatan dalam talian: W3C Link Checker <http://validator.w3.org/checklink>
- PTj digalakkan menyediakan jadual terperinci bagi tujuan mengemaskini kandungan laman web.
- Maklumat berikut perlu diberikan perhatian:
  - i. Maklumat Am PTj seperti nombor telefon, faks, alamat dan perubahan staf
  - ii. Berita (perlu di arkib selepas satu bulan)
  - iii. Pengumuman (mengikut kesesuaian)
  - iv. Keratan Akbar (1 bulan selepas tarikh akhbar)
  - v. Poster/ Banner (1 minggu selepas tarikh aktiviti dan peristiwa)
  - vi. Tawaran tender/ Sebut harga/ Jawatan Kosong (1 hari bekerja selepas tarikh tawaran tender, sebut harga dan jawatan kosong ditutup)

## TANGGUNGJAWAB WEBMASTER PTj

Komitmen dari PTj diperlukan dalam menguruskan laman web masing-masing dengan berkesan. Pengurusan atau webmaster bertanggungjawab kepada perkara-perkara berikut:

- Membangun dan menyelenggara laman web PTj masing-masing.
- Kandungan pada laman web PTj
  - Menyemak dan mengemaskini kandungan media sosial rasmi institut, pusat, jabatan dan fakulti setiap minggu.

- Mengesahkan kesahihan maklumat yang akan dimuat naik di laman sosial
- Menyemak dan memilih foto dan video yang sesuai untuk dimuat naik
- Pematuhan terhadap Garis Panduan
  - i. Garis Panduan Pembangunan Laman Web PTj, UKM
  - ii. Dasar Keselamatan ICT, UKM (Kuatkuasa 1 Mei 2016 – Kelulusan LPU Bil.6/2016)
- Capaian menerusi akaun web FTP
  - Webmaster PTj akan diberikan satu akaun untuk menguruskan laman web masing-masing. Webmaster bertanggungjawab terhadap keselamatan capaian tersebut.
- Penambahbaikan laman web
  - Webmaster PTj bertanggungjawab mengusahakan proses menambahbaik laman web masing-masing.
- Perubahan maklumat
  - Sebarang perubahan maklumat haruslah dimaklumkan kepada PKK untuk dikemaskini di Portal Rasmi UKM untuk mengelakkan *broken link* dan maklumat yang tidak dikemaskini.
  - Contoh:
    - i. Perubahan Pengarah
    - ii. Nombor telefon
    - iii. Faks
    - iv. Url
- Webmaster adalah dilarang sama sekali;
  - Untuk mengiklankan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak luar.
  - Memaparkan isu-isu sensitif seperti isu agama, politik dan perkauman.
  - Menyebarkan perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTj.
  - Memaparkan kenyataan-kenyataan yang boleh menjejaskan imej kerajaan, universiti dan PTj.
- Melaporkan kepada PTM terhadap sebarang pencerobohan laman web PTj di [adminweb@ukm.edu.my](mailto:adminweb@ukm.edu.my)

## TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh 2 Mac 2015 dan telah disemak semula pada 1 November 2019. Garis panduan ini harus dipatuhi oleh semua warga UKM.

## PENUTUP

Kerjasama dan komitmen daripada semua warga UKM untuk berkongsi maklumat dapat membuka ruang yang lebih luas. Pengendalian media sosial secara profesional adalah penting dalam perkongsian dan penyebaran maklumat dengan orang ramai. Perkongsian ini perlulah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi melahirkan perhubungan yang harmoni.

## **DISEDIAKAN OLEH**

Unit Web dan Media Sosial  
Pusat Komunikasi Korporat  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi,  
Selangor.

Tel Pejabat Utama: +603 8921 5540/ 3370/ 4254

Fax: +603 8921 4097 (Pejabat Utama, Bangunan Canselori)

Emel: [pkk@ukm.edu.my](mailto:pkk@ukm.edu.my) / [mediasosial@ukm.edu.my](mailto:mediasosial@ukm.edu.my)

---